

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PANDUAN PERGERAKAN PELAJAR

KELUAR / MASUK KAMPUS

BERKUAT KUASA 15 OKTOBER 2021

Disediakan oleh:

Jabatan Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Teknologi Malaysia

UTM Johor Bahru

Talian Hotline: 011-18687022
E-mel: helpdesk.hep@utm.my / tphep@utm.my

UTM Kuala Lumpur

HEP : 017-2424122
E-mel: heputmkl@utm.my



1.0 TUJUAN

Panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan pergerakan keluar dan masuk kampus yang perlu dipatuhi oleh pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi kampus UTM Johor Bahru dan UTM Kuala Lumpur. Ia meliputi langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan oleh Kolej Kediaman berkuat kuasa pada 15 Oktober 2021. Rasional panduan ini dikeluarkan adalah bagi memastikan pergerakan pelajar yang teratur, berfasa dan mengurangkan kadar jangkitan Covid-19 dalam kalangan pelajar dan staf.

Panduan ini juga akan menerangkan kaedah pergerakan pelajar masuk ke dalam kampus untuk tujuan menginap, mengambil barang atau peraturan semasa keberadaan di dalam kampus.

2.0 TAFSIRAN

i. Pelajar

Individu yang sedang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia dan berstatus pelajar aktif.

ii. Pelajar antarabangsa

Pelajar antarabangsa merujuk kepada individu yang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia dan bukan warganegara Malaysia.

iii. Waris

Pihak yang bertanggungjawab ke atas kebajikan dan menjaga pelajar jika ketiadaan ibu bapa pelajar. Individu ini termasuk ahli keluarga , adik-beradik dan saudara.

iii. Lengkap vaksinasi

Melengkapi vaksinasi berdasarkan spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.0 SYARAT MASUK KAMPUS

3.1 Maklumat Vaksinasi

Melengkapkan status vaksinasi seperti berikut :

- 1**
 - Dua (2) dos suntikan vaksin jenis Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac selepas hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua.
- 2**
 - Satu (1) dos suntikan vaksin jenis Johnson & Johnson dan CanSino selepas hari ke-28 dari tarikh suntikan.
- 3**
 - Bagi pelajar antarabangsa, semua jenis vaksin yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.



3.2 Mod Pengangkutan

- i. Pelajar hanya dibenarkan menaiki kenderaan sendiri, diantar oleh ibu bapa/waris atau menaiki kapal terbang.
- ii. Hanya ibu bapa/waris yang telah lengkap menerima vaksin sahaja dibenarkan menghantar pelajar pulang.
- iii. Bilangan penumpang dalam satu kenderaan adalah mengikut kapasiti kenderaan.
- iv. Pengangkutan awam adalah TIDAK DIBENARKAN.



3.3 Kategori Pelajar yang Diberi Pertimbangan Memasuki Kampus

Pihak Universiti melalui Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah mengeluarkan Pekeliling Akademik Bil. 05/2021 yang menyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilakukan secara atas talian bagi semua pelajar. Walau bagaimanapun, kelonggaran akan diberikan kepada pelajar bagi kategori berikut :

Bil.	Kategori Pelajar	Tarikh dan Kaedah Masuk Kampus
i.	Pelajar perlu menghadiri Latihan Industri di UTM.	Mengikut prosedur kemasukan ke kampus berdasarkan Pekeliling Pelajar Bil.14/2021 bertarikh pada 16 September 2021 dan secara berperingkat.
ii.	Pelajar yang mempunyai keperluan masuk kampus dengan ketetapan KPT yang memerlukan pertemuan fizikal (contoh: menduduki peperiksaan badan profesional bagi melengkapkan kursus untuk keperluan badan).	
iii.	Pelajar yang berstatus Tidak Selesai (TS), pelajar prasiswazah tahun akhir, pelajar Sarjana program kerja kursus dan mod campuran yang meneruskan kajian di makmal.	
iv.	Pelajar Program Penyelidikan Pascasiswazah (Doktor Falsafah dan Sarjana Falsafah).	
v.	Pelajar terjejas dan memerlukan ruang pembelajaran kondusif.	
vi.	Pelajar Kanan kemasukan Semester I Sesi 2020/2021 (kemasukan mengikut Fakulti).	Kemasukan secara berperingkat bermula minggu ke-9 Semester I Sesi 2021/2022.
vii.	Pelajar Tahun 1 kemasukan Semester I Sesi 2021/2022.	Kemasukan pada Semester II Sesi 2021/2022 dan sesi perkuliahan akan bermula pada 20 Mac 2022.



Memakai
pelitup muka



Mencuci
tangan



Menggunakan
pembersih
tangan



Batuk di siku



Penjarakan
sosial



Elakkan
bersalaman



4.0 KAE DAH PELAKSANAAN

4.1 Kemasukan bagi Tujuan Menginap

4.1.1 Sebelum Masuk Kampus

(A) Pelajar


- i. Pelajar dikehendaki membuat permohonan masuk ke kampus melalui Sistem UTMSmart bermula pada 5 Oktober 2021 dengan syarat telah melengkapi status vaksinasi merujuk Perkara 3.1.
- ii. Pelajar memuat turun surat kelulusan di Portal MyUTM.
- iii. Surat kelulusan yang dikeluarkan juga merupakan dokumen merentas negeri / daerah.
- iv. Mengisi *Health Declaration Form (HDF)*.
- v. Memastikan rekod di aplikasi MySejahtera berstatus ‘risiko rendah’.

4.1.2 Semasa Masuk Kampus

- i. Kemasukan pelajar bermula pada 15 Oktober 2021 dari jam 9.00 pagi sehingga 4.30 petang.
- ii. Pelajar dibenarkan masuk ke kampus melalui Pintu 1 dan Pintu 3 sahaja bagi kampus UTM Johor Bahru dan Pintu Utama Kolej Siswa Jaya (KSJ) bagi UTM Kuala Lumpur.
- iii. Pelajar perlu menunjukkan surat kelulusan memasuki kampus.
- iv. Pelajar dikehendaki menjalani prosedur saringan kesihatan iaitu pemeriksaan suhu badan, imbasan MySejahtera dan imbasan QR Code Masuk Kampus.
- v. Pelajar dikehendaki terus ke Rumah Alumni (UTM Johor Bahru) atau Astaka KSJ (UTM Kuala Lumpur) bagi menjalani ujian saringan kendiri RTK-Antigen Saliva. Kaedah saringan adalah secara pandu lalu.
- vi. Pelajar mendapatkan keputusan ujian saringan kendiri RTK-Antigen Saliva yang disahkan oleh Pegawai Perubatan bertugas.

-
- vii. Sekiranya keputusan ujian didapati POSITIF, pelajar akan dihantar ke Pusat Kuarantin Blok S46 (UTM Johor Bahru) atau Bilik Kuarantin, Aras 4, Blok B (UTM Kuala Lumpur).
 - viii. Sekiranya keputusan ujian disahkan NEGATIF, pelajar dibenarkan masuk ke kolej kediaman masing-masing. Penempatan kolej adalah tertakluk kepada ketetapan pihak Kluster Hospitaliti, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).
 - ix. Sekiranya tiba di kampus UTM Johor Bahru selepas jam 4.30 petang, pelajar dikehendaki transit dan menjalani ujian saringan kendiri RTK-Antigen Saliva di Blok S47.

4.1.3 Carta Alir Ujian Saringan Kendiri Covid-19 RTK-Antigen Saliva di UTM Johor Bahru



PANDUAN UJIAN KENDIRI RTK-ANTIGEN SALIVA

 Kit ujian kendiri RTK-Antigen Saliva

 Bilas mulut dengan air 30 minit sebelum menjalankan ujian

 Jangan makan dan minum minuman beralkohol dan tidak merokok sebelum ujian

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

<https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/gp-umum-covid19/kit-ujian-kendiri-covid19-self-test-kit>

(B) Pelajar Sabah, Sarawak & Labuan

- Pelajar dari Sabah, Sarawak dan Labuan kemasukan ke semenanjung berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negeri (MKN) masing-masing.
- Menjalani ujian kendiri RTK-Anitigen Saliva di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

(C) Pelajar Antarabangsa

Pelajar antarabangsa merujuk kepada individu yang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia dan bukan warganegara Malaysia.

1. Kategori pelajar antarabangsa yang dibenarkan memasuki Malaysia setelah melengkapi dos vaksinasi Covid-19:
 - i. Pelajar kanan dan pelajar baharu antarabangsa;
 - ii. Pelajar antarabangsa yang merupakan warganegara United Kingdom (UK); dan
 - iii. Pelajar antarabangsa yang mengambil bahagian dalam program mobiliti dan Edutourism.

-
2. Semua tanggungan pelajar antarabangsa yang sah dibenarkan masuk ke Malaysia.
 3. Semua pelajar antarabangsa dan tanggungan yang sah perlu memohon kebenaran memasuki Malaysia melalui Education Malaysia Global Services (EMGS). Permohonan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (KPJIM).
 4. Semua pelajar antarabangsa dari luar negara dikehendaki menjalani kuarantin mandatori selama empat belas (14) hari di Pusat Kuarantin yang ditetapkan. Tempoh kuarantin akan dilanjutkan selama tujuh (7) hari yang menjadikan tempoh keseluruhan kuarantin selama dua puluh satu (21) hari, sekiranya perlu berdasarkan penilaian risiko yang dilakukan pada hari ke-14. Tempoh kuarantin tersebut diteruskan di Pusat Kuarantin yang sama.
 5. Pelajar antarabangsa dikehendaki menjalani kuarantin mandatori di Pusat Kuarantin yang ditetapkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

-
6. Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah/Kediaman atau *Home Surveillance Order* (HSO):
- i. Pelajar antarabangsa yang melengkapi dos vaksinasi dan ingin memohon HSO diminta mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia beberapa hari sebelum berlepas melalui e-mel di hso@moh.gov.my.
 - ii. Pelajar antarabangsa yang memasuki Malaysia melalui Johor Bahru dikehendaki memohon tujuh (7) hari lebih awal bagi permohonan kuarantin di rumah. Permohonan boleh dibuat kepada Jabatan Negeri Johor melalui e-mel di cprcjkj@moh.gov.my.
 - iii. Kuarantin di rumah/kediaman tidak dibenarkan di dalam Kampus UTM walaupun telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Tempoh kuarantin di rumah/kediaman perlu dijalankan di luar Kampus UTM.

4.2 Kemasukan Secara Harian

Kemasukan secara harian bagi urusan akademik, makmal, perpustakaan, pentadbiran, kewangan, pengambilan barang di kolej kediaman atau apa-apa urusan yang berkaitan di dalam kampus.

4.2.1 Sebelum Masuk Kampus

- i. Pelajar dikehendaki membuat permohonan masuk ke kampus melalui Sistem UTMSmart bermula pada 5 Oktober 2021 dengan syarat telah melengkapi status vaksinasi merujuk Perkara 3.1.
- ii. Pelajar memuat turun surat kelulusan di Portal MyUTM.
- iii. Mengisi *Health Declaration Form (HDF)*.
- iv. Memastikan rekod di aplikasi MySejahtera berstatus 'risiko rendah'.
- v. Membuat janji temu kepada pihak jabatan/makmal/bahagian yang berkaitan setelah mendapat surat kelulusan.

4.2.2 Semasa Masuk Kampus

- i. Pelajar menunjukkan surat kelulusan memasuki kampus.
- ii. Pelajar dikehendaki menjalani prosedur saringan kesihatan iaitu pemeriksaan suhu badan, imbasan MySejahtera dan imbasan QR Code Masuk Kampus.
- iii. Pelajar diminta mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak Universiti dan MKN sepanjang keberadaan di dalam kampus.

4.3 Kemasukan Secara Harian bagi Tujuan Mengambil Barang di Kolej Kediaman

- i. Pelajar yang telah mendapat kelulusan dikehendaki hadir mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.
- ii. Masa yang diberikan adalah satu (1) jam sahaja untuk mengambil barang dan mengosongkan bilik.
- iii. Pelajar dikehendaki memulangkan kunci bilik di Pejabat Kolej Kediaman sebelum meninggalkan kampus mengikut masa yang ditetapkan.
- iv. Pelajar yang telah menerima surat kebenaran dan gagal menghadirkan diri untuk pengosongan bilik, caj sewaan bilik akan dikenakan bermula pada 15 November 2021.

4.4 Pergerakan Pelajar yang Menginap Dalam Kampus

SOP yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling Pelajar Bil. 12/2021 bertarikh 30 Jun 2021 dilaksanakan bagi mengekalkan zon selamat di dalam kampus. Walau bagaimanapun, beberapa kelonggaran akan diberikan seperti berikut :

4.4.1 Had Masa

- i. Pelajar diberi kebenaran keluar dua (2) kali seminggu dari jam 9 pagi hingga 7.00 malam berbanding sekali (1) seminggu sebelum ini.
- ii. Pelajar diberi kebenaran keluar maksimum tiga (3) jam berbanding dua (2) jam sebelum ini.
- iii. Permohonan keluar masuk adalah melalui Pengetua Kolej Kediaman masing-masing.

4.4.2 Masa Tempahan Penghantaran Makanan

- i. Dibenarkan dari jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam.

4.4.3 Permohonan pulang ke kampung

- i. Pelajar dikehendaki mengisi permohonan balik melalui sistem UTMSmart.
- ii. Pelajar yang pulang ke kampung dan ingin masuk semula ke kampus dikehendaki menjalani Ujian RTK –Antigen Saliva dan kos ujian ditanggung oleh pelajar.

LAMPIRAN

Lampiran I: Proses dan Kelulusan Keluar Masuk Kampus



LAMPIRAN 1

PROSES PERMOHONAN DAN KELULUSAN MASUK KAMPUS

BIL..	TUJUAN	KAEDAH	PERAKUAN	KELULUSAN
1.	Mengambil Barang	Harian	Kluster Hospitaliti	Kluster Hospitaliti
	Persekitaran Terjejas	Menginap	TP/PP Fakulti	HEP
2.	Latihan Industri	Menginap	TP/PP Fakulti	HEP
3.	Pelajar baharu sem 2020/2021	Menginap	TP/PP Fakulti	HEP
4.	Makmal (UG)	Harian/ Menginap	AC Fakulti (FE) atau TP/PP Fakulti	HEP
5.	Makmal (PG)	Harian/ Menginap	AC Fakulti (FE) atau TP/PP Fakulti	HEP
6.	Urusan visa dan passport	Harian	UTMI	UTMI
7.	Perpustakaan	Harian	Perpustakaan	Perpustakaan
8.	Urusan akademik	Harian	TP/PP Fakulti	TP/PP Fakulti
9.	Peperiksaan	Harian	TP/PP Fakulti	HEP
10.	Pelajar Penyelidikan Pasca Siswazah	Menginap	TP/PP Fakulti	HEP
11.	Pelajar Sem 2021/2022	Menginap	TP/PP Fakulti	HEP